

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

25 NOVEMBER 2012

AIR CECAH BUMBUNG

Penduduk menyelamatkan diri di atas bumbung rumah selepas air naik di Kampung Batu 7, Lukut, Port Dickson, awal pagi semalam.  NASIONAL 18



200 keluarga kena pindah

» Air naik hingga paras bumbung selepas hujan lebat 3 jam

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Nor Aziah Othman
bhnews@bharian.com.my

■ Port Dickson

Hujan lebat selama tiga jam awal pagi semalam, menyebabkan rumah lebih 200 keluarga di sekitar Lukut, di sini, dinaiki air hingga paras bumbung.

Beberapa jalan utama di sekitar kawasan itu turut dinaiki air hingga paras 0.5 meter menyebabkan trafik sesak dan hanya kenderaan berat dapat melaluinya.

Pegawai Daerah Port Dickson, Ab Khalid Mat, berkata hujan lebat sejak jam 5 pagi menyebabkan beberapa kawasan, terutama di kawasan rendah dinaiki air antara satu hingga empat meter.

Kawasan terjejas

Katanya, kawasan paling teruk terjejas adalah Kampung Batu 7, Taman Wawasan, Taman Jaya Lukut dan Taman Indah Jaya.

“Bagaimanapun, air sudah surut sepenuhnya sekitar jam 10 pagi tadi (semalam) dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan kerana rata-rata penghuni sadar ketika banjir kilat berlaku.

“Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan pelba-

“
Air sudah surut sepenuhnya sekitar jam 10 pagi tadi (semalam) dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan”

Ab Khalid Mat,
Pegawai Daerah Port Dickson

ngagihkan makanan dan selimut,” katanya di sini.

Beliau berkata, setakat ini pusat pemindahan banjir ada di-



Anggota bomba membantu Wong Ai Man, 48, yang **terperangkap akibat banjir kilat** di Kampung Batu 7, Lukut, Port Dickson, semalam.
[FOTO MOHD KHIDIR ZAKARIA/BH]

gai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut membantu mangsa dengan me-

buka tetapi kebanyakan mereka enggan berpindah berikutan air sudah surut.

Sedar hujan lebat

Mangsa banjir dari Kampung Batu 7, Koon Yoke Ying, 51, berkata dia sedar hujan lebat sekitar jam

3 pagi dan mula bimbang kerana air mulai naik.

Katanya, pada jam 6 pagi air naik hingga dua meter dan dia mengambil keputusan membawa ibu mentuanya berusia 86 tahun memanjat bumbung rumah untuk menyelamatkan diri.